

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

Belum ada perbincangan turunkan harga RON95,diesel

Belum ada perbincangan turunkan harga RON95, diesel

Tiada sebarang perbincangan mengenai cadangan untuk menurunkan harga runcit bahan api RON95 dan diesel buat masa ini, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

"Saya tidak pernah dengar dan tiada sebarang perbincangan berhubung cadangan menurunkan harga RON95 dan diesel," katanya pada sidang media selepas Majlis Pengumuman Dapatan Survei Pendapatan Dan Perbelanjaan Ibu Rumah 2022 di Putrajaya, semalam.

Rafizi berkata, langkah menu runkan harga minyak memba bitkan keputusan Kementerian Kewangan (MOF) memandangkan perkara itu melibatkan nilai subsidi.

"Sehingga sekarang itau tu-

Juh bulan pelbagai perbincangan berkaitan ekonomi dalam kerajaan, tidak pernah sekali pun disebut mengenai cadangan menurunkan harga bahan api.

"Mungkin MIDF Research boleh jelaskan di manakah maklumat ini diperoleh," katanya pada sidang media yang turut dihadiri oleh Ketua Perangkawalan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahdin.

MIDF Research dalam satu nota penyelidikan minggu ini berkata, kerajaan dijangka mempertimbangkan untuk menurunkan harga runcit bahan api dalam jangka terdekat ini, terutama RON95 dan diesel, mengambil kira inflasi makanan yang terus meningkat, selain tekanan ke atas pendapatan pengguna.

Dalam notanya itu, MIDF Research menganggarkan, jika kerajaan menurunkan harga RON95 sebanyak 10 sen kepada RM1.95 seliter bulan depan, kadar inflasi utama Malaysia dijangka susut kepada 2.9 peratus bagi 2023 memandangkan inflasi bukan makanan terus menyederhana kepada 1.3 peratus, manakala inflasi pengangkutan akan menguncup sebanyak 1.7 peratus.

Ia berkata, menjelang akhir tahun ini, pemotongan 10 sen itu akan menjadikan kadar inflasi bulanan lebih rendah kepada 1.9 peratus tahun ke tahun, bermakna bahawa kerajaan akan mempunyai tambahan RM4.31 bilion untuk perbelanjaan fiskal, yang boleh digunakan untuk

matlamat lain.

"Selain itu, kerajaan akan mempunyai ruang fiskal lebih baik, memandangkan nisbah hutang fiskal berbanding Keleluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah susut kepada 59.3 peratus pada suku pertama 2023 dan mengambil kira likabiliti luar jangka, angka terkini adalah 76.1 peratus," katanya.

Firma penyelidikan itu berkata, ia turut menjangkakan subsidi bersasar membatikin bahan api, terutama untuk RON95 dan diesel tidak akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

"Berdasarkan andaian harga minyak AS\$80 setong, kami menganggarkan harga pasaran untuk RON95 ialah RM3.10 seliter.

"Dalam kata lain, jika menga-

pungkan sepenuhnya harga untuk RON95 akan menyebabkan kenaikan harga lebih daripada 50 peratus yang mempunyai lonjakan besar ketara dalam data Indeks Harga Pengguna (IHP), katanya.

Kerajaan membelanjakan RM42 bilion untuk subsidi bahan api tahun lalu, merangkumi sebahagian besar daripada perbelanjaan subsidi keseluruhan.

Februari 2021, kerajaan ber setuju menurunkan had harga siling bahan bagi produk petrol, RON95 pada RM2.05, manakala diesel pada RM2.15 seliter.

Penetapan harga siling itu bagi melindungi pengguna daripada kenaikan harga minyak yang ketara pada peringkat global.